

# PM solat hajat mohon keselamatan Palestin, Lebanon

TEMERLOH 11 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama kira-kira 2,000 umat Islam menunaikan solat hajat di Masjid Abu Bakar di sini hari ini.

Turut mengerjakan solat hajat berjemaah, itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob serta para pembesar dan kenamaan negeri.

Solat hajat bagi memohon kepada Allah membantu umat Islam di Palestin dan Lebanon yang menjadi mangsa kezaliman Israel itu diadakan sejurus selesai solat Jumaat di masjid berkenaan kira-kira pukul 2 petang.

Sebelum itu, Abdullah menyempurnakan majlis sambutan 20 tahun Kredit Mikro Ikhtiar dan Pelancaran Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat Amanah Iklitiar Malaysia di Stadium Mini Temerloh di sini.

Perdana Menteri berada di Pahang dalam rangka lawatan rasmi dua harinya ke negeri ini bermula semalam.

**ABDULLAH Ahmad Badawi, Najib Tun Razak, Adnan Yaakob bersama penduduk kawasan Temerloh membaca doa selepas solat hajat di Masjid Abu Bakar. Temerloh, semalam**

